

Bahagian A
Jawab semua soalan.



goo.gl/teJh2D

1. Reka bentuk mekatronik bermaksud reka bentuk produk atau sistem yang menggabungkan disiplin ilmu _____, _____ dan _____ untuk mencapai tujuan yang dikehendaki.
2. _____ juga merupakan kaedah yang digunakan untuk menerangkan fungsi elemen di dalam reka bentuk mekatronik.
3. Antara kriteria pemilihan lakaran idea penambahbaikan reka bentuk mekatronik ialah dapat _____, _____ dan _____.
4. Penilaian kefungsi reka bentuk dapat dilakukan melalui kaedah pengujian jenis _____.
5. Padankan komponen mekatronik yang berikut dengan pernyataan yang betul.

Komponen	Pernyataan
Sistem elektrik	Satu kaedah kawalan sistem yang digunakan untuk mengurus, mengarah atau mengawal atur tindakan bagi memastikan reka bentuk mekatronik berfungsi secara automatik dengan sempurna.
Sistem mekanikal	Gabungan beberapa komponen mekanikal yang berfungsi sebagai penghantar.
Sistem elektronik	Susunan dan sambungan fizikal komponen elektronik dalam suatu litar bagi menjalankan operasi sesuatu sistem.
Sistem kawalan dan pengaturcaraan	Sistem yang menggunakan arus elektrik, sama ada arus terus (AT) atau arus ulang alik (AU) sebagai sumber tenaga.